

Tiada ejen dilantik kutip wang tak dituntut

Kementerian Kewangan tidak pernah melantik ejen untuk menjalankan urusan pengutipan wang yang tidak dituntut, sebaliknya hanya membuat pembayaran kepada penama terkandung dalam Warta Kerajaan.

Timbalan Menterinya, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata oleh kerana itu, apabila ia diwartakan kerajaan, maklumat itu menjadi pengetahuan awam dan pihak luar seperti ejen boleh melihat nama pemilik wang tidak dituntut.

Katanya, sehingga bulan lalu, jumlah wang yang tidak dituntut diserahkan kepada pendaftar wang berjumlah RM7.6 bilion dan baki semasa berjumlah RM5.3 bilion.



Individu tersenarai dalam warta itu boleh pergi ke kaunter Jabatan Akauntan Negara untuk semakan dan mohon bayaran

Johari Abdul Ghani,
Timbalan Menteri Kewangan

“Ingin saya tegaskan bahawa lantikan ejen oleh mana-mana individu adalah di luar bidang kuasa kerajaan dan bayaran hanya akan dilakukan terus kepada tuan punya nama dan akaun sahaja,” katanya menjawab soalan M Kulasegaran



(DAP-Ipoh Barat).

Tiga kategori tuntutan

Johari berkata, individu yang tersenarai dalam warta berkenaan boleh pergi ke kaunter Jabatan Akauntan Negara di seluruh negara untuk mem-

buat semakan dan memohon bayaran.

Katanya, kerajaan juga dalam usaha untuk membangunkan sistem secara dalam talian yang membolehkan urusan penyemakan dan permohonan wang yang tidak dituntut, dilakukan lebih mudah.

“Ada tiga kategori tuntutan wang tidak dituntut iaitu pembayaran seperti gaji, bonus dan polisi insurans tidak dituntut selepas setahun, surat kepada pemiutang oleh pihak syarikat yang mana wang tidak dituntut melebihi dua tahun, serta wang dalam akaun semasa dan akaun tetap melebihi tempoh tujuh tahun,” katanya.